

30/4/2015  
HMETAOleh **Abd Razak Hussin**

# Galas misi suci di Changduri

**D**esa Changduri sebuah daripada beberapa perkampungan yang terjejas teruk akibat gempa bumi besar pada 2 Julai 2013, terletak di Mukim Ketul, Kabupaten Aceh Tengah Indonesia. Jaraknya dari Banda Aceh cuma sekitar 370 kilometer, tetapi daripada pengalaman penulis untuk sampai ke sana biasanya kita harus bermalam dahulu di kota kecil Takengon, ibu negeri Aceh Tengah sebelum meneruskan perjalanan pada keesokan harinya.

Perjalanan yang meletihkan itu memaksa kita harus berhenti merehatkan diri beberapa kali menyebabkan banyak masa diperlukan untuk sampai ke destinasi. Dalam perjalanan ke Aceh Tengah, biasanya kami singgah di Desa Krueng Mane, untuk menikmati kopi yang sangat lazat.

Ketinggian 1,200 meter dari aras laut, menjadikan kampung yang sudah empat kali penulis kunjungi memiliki udara yang dingin dan segar. Dengan pemandangan pergunungan menghijau di sekelilingnya menjadikan kita berasa nyaman berada di situ. Barangkali iklim dingin yang boleh jatuh sehingga 18 darjah Celcius pada waktu malam menjadikan kopi dan tebu hidup subur sehingga menjadikannya terkenal sebagai pengeluar kopi utama.

Justeru, terinspirasi oleh usaha bersendirian Ustaz Abdullah Abdul Wahab, sahabat aktivis di Banda Aceh bertungkus lumus meringankan beban mangsa gempa sedangkan beliau bekerja sepenuhnya sebagai sukarelawan, penulis dan UKM berasa terpanggil untuk menyertai misi kemanusiaan ekoran gempa itu. Tersentuh oleh "Aceh Tengah Menangis", penulis memulakan tinjauan dan membawa bantuan pertama hasil sumbangan warga universiti dan rakyat Malaysia pada 19 September 2013.

Seterusnya dengan dukungan Pejabat Hubungan Universiti - Masyarakat dan pengurusan tertinggi universiti, penulis menyelaras inisiatif membina semula sebuah musollah yang juga dijadikan madrasah yang runtuh untuk kampung itu menerusi kunjungan pada 4 Mei 2014, 24 September 2014 dan 20 April 2015.

Dengan bantuan Ustaz Abdullah, urusan misi kemanusiaan menjadi lebih mudah. Kunjungan kedua dan ketiga disertai kru TV swasta dan beberapa agensi kerajaan Malaysia yang dengan penyertaan itu menggerakkan lebih ramai rakyat Malaysia berempati dan menghulurkan sumbangan

dalam bentuk infaq, wakaf, sedekah, derma dan hadiah.

Pengalaman perjalanan panjang yang berliku, merentasi lereng bukit dan pergunungan, keadaan sebahagian jalan yang sempit, rosak dan sesak dengan kenderaan yang banyak serta adakalanya berbahaya barangkali meragukan rakan yang pernah ke sana untuk menyertai penulis dalam misi terakhir baru-baru ini. Seheinggakan seorang rakan mengatakan, "Walaupun ada seorang Ratu Cantik Indonesia yang hendak menemui saya di Desa Cangduri, saya tak sanggup untuk pergi lagi." Begitulah 'penangan' pengalaman perjalanan ke wilayah tersebut.

Buat penulis pula, selagi musolla itu belum siap sepenuhnya, penulis sentiasa bersemangat untuk ke sana kerana itulah misi penulis yang tertanam dalam diri semenjak lebih setahun yang lalu. Inilah keajaiban tekad, azam dan misi yang sukar untuk digambarkan. Segalanya berada di dalam jiwa, sanubari dan pemikiran. Tekad, azam dan misi sucilah yang menjadikan seseorang sanggup menempuh segala kemungkinan. Pesanan inilah yang penulis lafazkan kepada Tajudin dan Shahidan, pegawai muda UKM yang menyertai penulis dalam misi terakhir.

Sungguh terharu, apabila penulis dan rombongan tiba di Desa Cangduri pada jam 10 pagi 20 April 2015, sudah terdiri sebuah bangunan musollah yang sederhana besarnya. Lebih terharu apabila terpampang sebuah papan tanda yang tercatat "MUSHOLLA INI DIBANGUN HASIL SUMBANGAN UNIVERSITY KEBANGSAAN MALAYSIA DAN RAKYAT MALAYSIA." Ini semakin memperkukuh ingatan kolektif masyarakat itu terhadap UKM khususnya dan Malaysia amnya. Penulis difahamkan pada Mei 2014 sekumpulan rakyat Malaysia juga menjejaki desa tersebut menghulurkan bantuan dan bahkan tapak musolla yang terbina itu asasnya telah diletakkan oleh sekumpulan pendakwah dari Malaysia kira-kira sebulan selepas gempa bumi berkenaan.

Bagi penulis, meskipun sumbangan UKM dan rakyat Malaysia itu sekadar Rupiah 450 juta (RM130,000), namun keberkatar sumbangan itu telah menyempurnakan pembinaan sebuah musolla yang dijadikan masjid dan madrasah untuk pengajian agama dan aktiviti kemasyarakatan.

**Penulis Timbalan Pengarah di Jabatan Canselori UKM**